



**UCAPAN TUAN PENGARAH JAS PERAK
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
PELANCARAN PROGRAM KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN
ELEKTRONIK DARI ISI RUMAH (HOUSEHOLD E-WASTE)**

TEMPAT : TITI SERONG, PARIT BUNTAR

TARIKH : 20 MAC 2021 (SABTU)

MASA : 9.00 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim.....

Saudari Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Ustaz Akmal Bin Hj Kamarudin,

Exco Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak

Yang Amat Berusaha,

Tuan Saiful Amier Bin Yusof, Pengerusi Sahabat Alam Lestari Parit
Buntar

Jemputan Khas dari Ketua-Ketua Kampung, Ketua-Ketua Masyarakat
di Parlimen Parit Buntar, pegawai-pegawai kerajaan dari agensi
kerajaan persekutuan dan negeri, tuan/puan hadirin sekalian;

Saudara /Saudari, dan

Tuan / Puan hadirin sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.....

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran ALLAH Subhanahuwataala, kerana dengan berkat limpah kurnianya dapat kita sama-sama dalam majlis yang penuh bermakna ini, iaitu Majlis Pelancaran Program Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik/Elektronik Dari Isi Rumah (Household E-Waste) Parlimen Parit Buntar.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana kesudian pihak penganjur menjemput dan memberi kerjasama yang erat kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak amnya dan Cawangan JAS Taiping, khususnya untuk sama-sama terlibat dalam usaha yang murni ini iaitu mengerakkan Program kempen pengumpulan E-Waste ini. Saya juga merasa amat berbesar hati di atas kehadiran Yang Berhormat Ustaz Mohd Akmal Bin Haji Kamaruddin merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak bersama-sama kita pada pagi ini.

Saya juga merasa bangga dan mengucapkan ribuan terima di atas komitmen tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang sanggup hadir dan melapangkan masa dari pagi lagi bagi memeriahkan majlis pelancaran E-Waste peringkat Parlimen Parit Buntar ini yang cukup bermakna dan bererti buat kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk makluman kepada para hadirin / hadirat sekalian, Program Kempen Pengumpulan E-Waste ini adalah satu bentuk program yang telah dicituskan oleh JAS bagi menangani isu-isu pengurusan dan kaedah pelupusan bahan buangan peralatan atau komponen barangan elektrik/elektronik dari isi rumah (household) yang tidak sempurna yang seterusnya akan memudaratkan alam sekitar dan kesihatan manusia. Keberkesanan program ini memerlukan jalinan gabungan kerjasama yang erat diantara pengguna (pengeluar buangan), pihak swasta (pengumpulan dan pemprosesan) dan juga seterusnya agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri terutamanya pihak berkuasa tempatan. Semoga Majlis Pelancaraan Program Pengumpulan E-Waste Peringkat Parlimen Parit Buntar ini dapat memberi faedah dan manfaat kepada kita semua dan sebagai pemangkin untuk meningkatkan komitmen pihak kerajaan dan swasta serta memperkukuhkan kerjasama kita semua dalam pemeliharaan

dan pemuliharaan alam sekitar di Perak, amnya dan di Parlimen Parit Buntar, khususnya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Tahukan kita apa itu buangan e-waste? Buangan e-waste adalah berupa buangan peralatan elektrik dan elektronik yang telah rosak dan ianya disenaraikan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dengan kod buangan SW110. Buangan e-waste ini dikawal selia oleh Jabatan Alam Sekitar melalui system pelesenan. Pelupusan buangan ini hendaklah dikawal kerana e-waste mempunyai ciri-ciri toksik dan kandungan logam berat yang boleh mendatangkan ancaman kepada alam sekitar dan memudaratkan kesihatan manusia.

Household e-waste atau buangan elektrik dan elektronik dari isi rumah adalah seperti televisyen, mesin basuh, peti sejuk, penghawa dingin, komputer peribadi, telefon bimbit dan sebagainya memerlukan mekanisma serta sistem kutipan buangan yang berkesan dan praktikal. Dengan perasmian pelancaran program kempen pengumpulan buangan elektrik dan elektronik ini, saya percaya ianya mampu meningkatkan kaedah pengurusan dan pengendalian household e-waste.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Majlis Pelancaran Program Kempen Pengumpulan Bahan Buangan Elektrik/Elektronik dari Isi Rumah (Household E-Waste) yang diadakan pada hari ini .

Sekian, Terima Kasih.